

Original

**DALAM MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR  
(BAHAGIAN JENAYAH)  
PERMOHONAN JENAYAH NO. \_\_\_\_\_**

Dalam Perkara permohonan oleh Hamza Kashgari Mohamad Najeeb untuk perintah-perintah dan arahan-arahan dalam hal Writ Habeas Corpus

DAN

Dalam Perkara permohonan di bawah Seksyen 365 Kanun Acara Jenayah

DAN

Dalam Perkara remedi-remedi di bawah Seksyen 25(2) dan Perenggan 1 Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman, 1964

DAN

Dalam Perkara Artikel-Artikel 5, 8 dan 10 Perlembagaan Persekutuan

DAN

Dalam perkara Seksyen-Seksyen 28A dan 117 Kanun Acara Jenayah

**ANTARA**

**HAMZA KASHGARI MOHAMAD NAJEEB**

**...PEMOHON**

**DAN**

1. **KETUA POLIS NEGARA**
2. **KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA**
3. **MENTERI DALAM NEGERI**
4. **KERAJAAN MALAYSIA**

**...RESPONDEN-  
RESPONDEN**

Dihadapan Yang Arif Hakim  
Datuk Rohana binti Yusuf

Pada 12 haribulan Februari 2012


**PERINTAH INTERIM (EX-PARTE)**

**ATAS PERMOHONAN** Pemohon yang dinamakan di atas **DAN TELAH DITETAPKAN UNTUK PERBICARAAN** pada 12 Februari 2012 **DAN SETELAH MENDENGAR** Hujahan Encik Ragunath Kesavan, Peguamcara bagi Pemohon bertarikh 12 Februari 2012 **MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN** iaitu:-

1. bahawa apa-apa tindakan perlaksanaan untuk dideportasi terhadap pemohon digantung sehingga *Hari Selasa 14.2.2012 atau* selesai pendengaran muktamad permohonan Habeas Corpus; *yang akan ditetapkan perbicaraan pada 14.2.2012 pukul 9.30 am.*
2. ~~bahawa peguamcara Pemohon diberikan akses untuk berjumpa Pemohon;~~
3. bahawa Pemohon mengaku janji untuk memfailkan dan menyerahkan kepada Responden-Responden permohonan Habeas Corpus pada 13.2.2012; dan
4. Perintah-perintah dan/atau arahan-arahan lain yang difikirkan patut dibuat atau diberikan oleh Mahkamah yang Mulia ini.

Bertarikh pada 12 Februari 2012

Untuk kelulusan Tuan,



.....  
Peguamcara Pemohon



.....  
Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi  
Kuala Lumpur

**PERINTAH INTERIM (EX-PARTE)** ini difaikkan oleh TETUAN KESAVAN,  
peguamcara untuk Pemohon yang beralamat di 39M, Plaza Damansara,  
Jalan Medan Setia 1, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Tel No. (03)  
20952299, Faks (03) 20937670.